



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL 2/2017/201
TARIKH: 24 OKTOBER 2017 (SELASA) BIL: 2 2017/2018

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi		
	1.2 Makluman dari KPT Pengerusi juga memaklumkan bahawa TD (BPPHP) iaitu Prof. Madya Dr. Aminah sedang bermesyuarat di KPT berkaitan Perkongsian Data Guna Tenaga tahun 2017. Perkongsian akan dibuat pada mesyuarat akan datang oleh beliau.	Tindakan : TD (BPPHP)	Perkongsian akan dibuat dalam Mesyuarat Japsu Bil 3/20172018
	1.6 Sistem VIVA Pasca Siswazah Pengerusi memaklumkan akan membuat satu bengkel berkaitan sistem VIVA Pasca Siswazah di Makmal Komputer SPS pada 6 November 2017. Pengerusi meminta fakulti menghantar staf yang menguruskan VIVA untuk hadir di dalam sesi bengkel tersebut.	Tindakan : BPB dan Fakulti	Bengkel telah ditunda ke 23 November 2017.
	1.8 Data Program Jumud Dan Lupus Pengerusi memaklumkan bahawa KPT menetapkan 30% program yang ada di setiap UA perlu dijumud. UTM telah melaksanakannya pada tahun 2014 dan telah membuat penjumudan sebanyak 36.8%. Pengerusi juga memaklumkan KPT tiada rekod yang jelas bagi program yang jumud dan lupus. Sehubungan dengan itu, bagi program yang ingin dijumud perlu dimaklumkan kepada KPT dan MQA. Manakala bagi program yang berpotensi untuk diwujudkan kembali, UA boleh membekukan untuk	Tindakan : Fakulti	Pihak Curriculum Innovation and Development Unit (CIDU) (Pejabat TNCA) telah memaklumkan kepada fakulti berkenaan program yang akan dijumudkan

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	tempoh 2 tahun sebelum diambil tindakan untuk menawarkan semula. Bagi program yang telah dilupuskan dan hendak diwujudkan kembali perlu membuat COPPA. Pengerusi memaklumkan akan menyenaraikan program yang jumud, aktif dan lupus untuk diemelkan kepada semua ahli mesyuarat. Dicapadangkan juga bagi program yang kemasukannya rendah boleh difikirkan untuk dijumudkan dan fakulti boleh membuat <i>concentration</i> dan membuat satu COPPA.		
	1.11 Kelulusan Tabung VIVA Fakulti Pengerusi memaklumkan JPU telah meluluskan tabung viva bagi setiap fakulti. Sehubungan itu, fakulti perlu mengemukakan dokumen yang diminta beserta cabutan minit dan memajukan dokumen tersebut kepada pihak Bendahari untuk penyaluran duit dengan segera. Dekan fakulti diminta memberi maklum balas perkara ini dengan segera.	Tindakan : Fakulti	Fakulti telah selesai urusan buka tabung ke bendahari, manakala selebihnya pindahan ke fakulti akan dibuat sebelum penutupan akaun universiti.
	1.12 Agihan Pesisir Pengerusi memaklumkan satu mesyuarat Agihan Pesisir akan diadakan pada 7 November 2017. Pada mesyuarat agihan pesisir tersebut, terdapat fakulti yang tidak akan memperolehi agihan. Ini kerana ia bergantung kepada kemasukan di setiap fakulti. Agihan juga akan dibuat secara 2 cara iaitu Agihan Pesisir dan Agihan PhD Industri termasuk KL dan JB	Tindakan: Pegawai Kewangan SPS	Mesyuarat agihan pesisir telah diadakan pada 7 November 2017 dan proses agihan telah selesai dilakukan.

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
4.0	LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)		
	4.2 Pelajar Aktif Tidak Daftar Kursus AMD juga memaklumkan bahawa seramai 832 pelajar aktif tetapi tidak daftar kursus disenaraikan sehingga Oktober 2017. AMD telah menghantar emel peringatan dan fakulti diminta membuat tindakan susulan. Sekiranya tiada maklumbalas dalam tempoh 14 hari, fakulti boleh membawa senarai pelajar tersebut ke Mesyuarat JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan November untuk diberhentikan sebelum AMD mengeluarkan surat pada Disember 2017.	Tindakan : Fakulti dan AMD	Fakulti ambil maklum dan senarai nama pelajar yang tidak memberi maklum balas akan dibawa ke Mesyuarat JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan November.
7.0	PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS		
	7.13 Pengerusi meminta bantuan dari pihak fakulti mengingatkan penilai dalam yang mengambil masa terlalu lama membuat semakan pembetulan tesis.	Tindakan : Fakulti	Fakulti ambil maklum dan tindakan pemaklumkan kepada penilai dalam akan dilakukan.